

# MENJADI PEMIMPIN DIRI YANG CEMERLANG



Bangun lambat setiap pagi, menuju sekolah tidak bermotivasi, sepanjang malam menonton VCD, tiada cerita menonton TV.

Melihat sekolah malas terasa, belajar pandai apalah guna, berat otak berat kepala, Tiada kerja lagi bahagia.

**S**ENARIO yang dinyatakan di atas umpama racun berbisa yang mula menjular dan berjangkit dari sebuah sekolah ke sebuah sekolah, malah tersebar di institusi pengajian tinggi. Budaya suka akan hiburan dan ingin bebas lepas tanpa bebanan menyebabkan remaja pada hari ini lebih banyak menghabiskan masa di pusat beli-belah, pesta, dan tempat hiburan berbanding dengan berada di perpustakaan atau majlis ilmu.

Beliau hari ini merupakan aset yang sangat berharga kepada negara. Merekalah tonggak kekuatan dan pemimpin masa

hadapan. Corak negara akan datang ditentukan oleh belia kita pada hari ini. Seandainya senario begini berterusan, maka bagaimanakah "rupa" negara kita pada masa hadapan?

Pendidikan di Malaysia sangat menekankan pembangunan modal insan. Modal insan yang dihasratkan ialah modal insan berminda kelas pertama serta mempunyai kekuatan mental dan daya tahan yang kental untuk menghadapi cabaran hidup yang lebih kompetitif. Sehubungan dengan itu, ukuran kecemerlangan dan kualiti seseorang pelajar dalam konteks dunia pendidikan pada hari ini, tidak semata-mata berpusat kepada kecemerlangan akademik tetapi aspek pembangunan sahsiah

dan keterampilan perlu diberi tumpuan.

Bayangkan seandainya beliau lulusan universiti yang dianggap intelek dalam masyarakat tetapi hanya mahir ilmu teori semata-mata, serta tidak dapat mengaplikasikan kemahiran ilmu yang dipelajari dalam dunia sebenar. Kelemahan berkominikasi, bermasyarakat, mengurus dan memimpin pasti menjadi tgaun ngeri kerana negara akan mengalami ketandusan pemimpin yang berkarisma pada masa hadapan. Pemimpin yang hebat pada masa hadapan sewajarnya bermula dengan menjadi pemimpin diri yang cemerlang.

Setiap individu bertanggungjawab atas kepimpinan dirinya sendiri. Menurut Ahmad Zabidi Abd. Razak, kepimpinan diri ialah proses seseorang individu menggunakan kekuatan dan kemahiran akal fikiran serta potensinya secara menyeluruh yang melibatkan aspek keupayaan, kebolehan, kebijaksanaan seseorang mengawal dan menyesuaikan dirinya dalam apa-apa juga keadaan. Seseorang yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi mampu mengelak apa juga keadaan yang mempengaruhinya. Oleh itu, segala matlamat yang ditetapkan akan tercapai kerana individu itu benar-benar menguasai dirinya sendiri. Diri kita merupakan modal kejayaan kita.

Sejarah membuktikan bahawa kecemerlangan individu bergantung pada kekuatan diri sendiri. Dato' Siti Norhaliza Taruddin yang suatu ketika dikenali sebagai penyanyi kampung, berbekalkan bakat dan imej sederhananya telah berjaya menggondol pelbagai anugerah seni pada peringkat antarabangsa. Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukary, seorang peniaga daging di pasar sesama mudanya, kini bergelar jutawan dan merupakan antara 10 orang terkaya di Malaysia. Semua ini dapat dilakukan oleh mereka kerana sifat kececalan yang tinggi, keyakinan dan kekuatan bagi menghadapi halangan serta cabaran. Mereka ialah contoh insan yang mempunyai kepimpinan diri yang cemerlang.

Bagaimanakah kita dapat memimpin diri dengan cemerlang?

Menurut Richard W. James, terdapat tiga perkara asas yang wajar dimiliki untuk memimpin diri sendiri.

#### ► **Memiliki prinsip diri**

Prinsip diri merupakan konsep nilai kendiri yang menentukan sikap dan tindakan seseorang. Sekiranya tiada prinsip diri, seseorang mudah terumbang-ambing dan umpama lalang dalam membuat keputusan. Prinsip diri sangat berkaitan rapat dengan matlamat yang ingin dicapai. Sekiranya ingin mendapat semua A dalam peperiksaan awam misalnya, seorang pelajar perlu berkorban waktu hiburannya dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada pelajaran.

#### ► **Memiliki sikap yang mendorong ke arah pencapaian matlamat**

Sikap lahir daripada prinsip yang diyakini dan diamalkan. Menerusi sikap juga akan terbentuk gaya hidup, iaitu sama ada mendorong kepada perkara positif atau sebaliknya. Sikap individu akan menentukan sama ada dia disenangi oleh orang sekeliling dan banyak mempunyai musuh atau rakan. Ketika bermasalah, dia mampu mencari jalan penyelesaian, ketika buntu dia mampu mencari ilham, ketika jahil dia bertanya dan ketika lemah dia mampu memotivasikan dirinya semula tanpa dorongan orang lain. Pemimpin yang baik juga dapat mengawal dirinya supaya tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak baik.

#### ► **Memiliki komitmen untuk melaksanakan**

Setelah mempunyai prinsip dan mengamalkan sikap yang baik, pemimpin diri yang cemerlang akan memberikan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan apa-apa yang disasarkan. Komitmen sangat berkaitan dengan kesungguhan mencapai matlamat. Antaranya termasuklah budaya kerja cemerlang, tidak bertanggung dalam melakukan tugas dan menepati masa, ikhlas serta bersungguh-

sungguh. Sekiranya mempunyai komitmen sedemikian, seseorang itu bukan sahaja cemerlang dalam memimpin dirinya, malah bakal menjadi pemimpin yang disegani suatu hari kelak.

Pemimpin diri yang cemerlang perlu mengamalkan lima prinsip. Kelima-lima prinsip ini saling berkaitan dan melengkap.

#### ► **Kepercayaan kepada Tuhan**

Pemimpin perlu mempunyai keyakinan dan pegangan agama yang kuat. Pendidikan agama menjadi pegangan dan pedoman utama bagi menentukan hala tuju dan arah tujuan hidup. Ketenangan dan pengabdian kepada Tuhan akan memberi kekuatan yang luar biasa untuk menempuh dugaan.

#### ► **Mempunyai tujuan hidup yang jelas**

Tujuan yang jelas adalah perlu dalam mengharung cabaran. Hidup tanpa tujuan akan menyebabkan kita mudah terpengaruh dan mengikut arus semasa. Hal ini menyebabkan perasaan selalu bimbang dan ragu tentang kemampuan diri akan menguasai. Arah hidup yang jelas juga akan menjadi sinergi yang kuat untuk kita lebih tabah dan pantang menyerah dalam mencapai apa-apa yang dicita-citakan.

#### ► **Mampu membuat refleksi kendiri**

Kemahiran refleksi kendiri penting dalam menilai setiap tindakan dan perilaku kita setiap hari. Kemahiran ini juga membantu seseorang membuat penambahbaikan dan menjadikan dirinya lebih baik daripada semalam. Membuat refleksi membolehkan kita mengenali diri sendiri dan merancang tindakan seterusnya yang mampu memberikan kesan positif kepada diri.

#### ► **Bertanggungjawab**

Pemimpin yang cemerlang bertanggungjawab atas apa-apa yang dilakukan. Oleh itu, setiap tindakan perlulah difikirkan dahulu

sebab akibat dan kesan kepada masa hadapan kita. Tanyalah diri kita sama ada apa-apa yang dilakukan memberikan kesan yang baik kepada diri dan orang di sekeliling atau sebaliknya. Apakah risiko yang mungkin dihadapi? Tanyalah diri terlebih dahulu agar kita akan menjadi orang yang lebih berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan.

## ► Konsisten

Konsisten ialah sikap orang yang cemerlang. Apabila kita mempunyai pegangan yang baik, tujuan hidup yang jelas, boleh membuat refleksi dan bertanggungjawab, namun tidak konsisten dalam mencapai matlamat, maka kita gagal dalam memimpin diri sendiri. Sifat ini memerlukan jiwa yang kuat dan tahap disiplin yang tinggi kerana banyak pengaruh luar yang mencuba untuk menggugatkan kepimpinan kita dalam memimpin diri sendiri.

Napoleon Bonaparte, pernah berkata "Sesiapa yang membaca dan mengamalkan apa-apa yang dibaca akan dapat memerintah dunia. Ilmu mampu membentuk watak, mengubah kehidupan menjadi lebih baik dan seterusnya mengangkat martabat serta kedudukan seseorang individu. Pemimpin diri yang cemerlang perlu melengkap diri dengan ilmu yang mencukupi. Selain belajar, terdapat beberapa kaedah penerokaan ilmu yang perlu dilaksanakan sepanjang masa, antaranya termasuklah membaca bahan ilmiah bagi meningkatkan rangsangan dan keupayaan berfikir. Jadikan amalan membaca sebahagian daripada aktiviti harian. Adakan buku log pembacaan untuk merekodkan apa-apa yang dibaca supaya dapat diamalkan dalam kehidupan harian. Amalan membaca juga di sebagai makanan minda, dapat membantu membentuk "pembetul" diri yang lebih baik.

Selain itu, kita hendaklah memilih mentor yang berilmu untuk menjadi sumber inspirasi. Setiap insan memerlukan orang lain sebagai penguat

semangat. Mentor akan membantu menjadikan kita pemimpin diri yang lebih baik, sebagai penasihat dan memberikan bimbingan supaya kita menjadi insan yang lebih matang

Individu juga dapat membina kepimpinan diri melalui pelibatan dalam persatuan. Pelajar yang berkualiti sama ada di sekolah mahupun pusat pengajian tinggi ialah pelajar yang mampu mengekalkan kecemerlangan akademik setiap kali peperiksaan, memiliki akhlak yang mulia, dan pada masa yang sama aktif berpersatuan. Ada ilmu dan perkara yang perlu ditimba berdasarkan pengalaman yang sudah pastinya tidak dipelajari di dalam kelas. Pelibatan dalam persatuan, terutama apabila memegang jawatan penting merupakan landasan kepada pemimpin muda ini untuk belajar kemahiran berkomunikasi, menjaga penampilan diri dan membina karisma, membina nilai positif dalam diri, menjadi perancang yang baik, belajar kemahiran pengurusan masa serta belajar hidup bermasyarakat.

Berkawan dengan sahabat yang cemerlang yang dapat mendorong diri menjadi insan yang lebih cemerlang. Banyak ilmu baharu yang dapat ditimba secara tidak formal, terutama dalam aspek gaya hidup, pengurusan masa, kaedah berfikir dan penyelesaian masalah.

Hadirilah majlis ilmu, seperti ceramah, kursus motivasi, kem kepimpinan diri, seminar, simposium dan kolokium. Banyak ilmu tambahan berguna yang berupaya "menambah perisa" dan menjadi nilai tambah dalam diri seseorang.

Bagi meningkatkan kepimpinan diri, kita perlu membuat penilaian dan refleksi kendiri atas segala aktiviti dan tindakan yang telah diambil setiap hari. Penilaian yang dibuat akan membantu kita mengenal pasti kekuatan diri untuk dibangunkan dan kelemahan diri untuk diatasi.

Dalam hal ini, menulis diari merupakan kaedah

refleksi yang terbaik. Menerusi penulisan, sama ada dalam bentuk blog mahupun diari, penambahbaikan yang berterusan boleh dilaksanakan supaya setiap hari baharu, kita dapat terus bertindak untuk menjadi insan yang lebih cemerlang. Penilaian kendiri perlulah merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penilaian yang lengkap berbentuk "penguatiduran kendiri" membolehkan kita merancang untuk melakukan perubahan yang sudah tentunya lebih baik berbanding dengan semalam.

Namun begitu, semua perkara dan aspek yang dinyatakan di atas hanya berjaya sekiranya seseorang itu mahukan perubahan dalam dirinya. Menguasai diri agar terus berada atas landasan yang ditetapkan tidaklah sesenang yang disangka. Kekuatan diri bagi mengatasi halangan yang mendatang adalah perlu. Mencipta kepimpinan diri yang cemerlang tidaklah terjadi laksana yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang, tetapi menuntut pengorbanan, kejujuran, kesetiaan kepada diri, merendah diri dan komitmen yang tidak berbelah bagi supaya kita bukan sahaja dapat memberikan sumbangan kepada diri, malah sekolah, keluarga, masyarakat, agama dan bangsa. Kita perlu kuat untuk menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang mendatang. Kitalah yang menentukan siapakah kita 10 tahun akan datang dan dalam golongan manakah kita berada, bukannya orang lain? Jadilah pemimpin diri yang cemerlang sebelum memimpin orang lain. 

